

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
(BAGAN SERAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.10.2016

Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah National Blue Ocean Strategy (NBOS) telah menyumbang dalam mewujudkan Kerajaan yang cemerlang. Apakah manfaat yang telah dicapai dan apakah perancangan seterusnya.

JAWAPAN

- Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) merupakan konsep pengurusan yang kreatif, inovatif dan integratif dalam menangani permasalahan pengurusan dan persaingan yang tidak sihat dalam bidang perniagaan. Pendekatan ini diperkenalkan sebagai satu strategi transformatif dalam sistem

pentadbiran Kerajaan oleh YAB Perdana Menteri. Matlamat NBOS adalah bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang seimbang di antara *capital economy* dan *people economy* ke arah membentuk Malaysia menjadi negara maju dalam tahun 2020.

- Melalui pelaksanaan program-program NBOS Kerajaan telah dapat menjimatkan perbelanjaan dengan perkongsian sumber di antara pelbagai agensi yang. Sebagai contoh, kerajaan telah dapat menjimatkan sebanyak RM1.5 bilion dengan menggunakan kaedah NBOS bagi penyediaan 15 buah Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara setakat ini. Manakala itu melalui pelaksanaan inisiatif kolaborasi NBOS pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) membolehkan kerajaan menjimatkan RM700 juta berkongsi pusat-pusat latihan di antara polis dan tentera serta meningkatkan tahap keselamatan dan ketenteraman awam dengan kolaborasi ATM-PDRM melalui rondaan bersama pasukan polis dan tentera. Penugasan semula anggota beruniform PDRM dan anggota awam dapat menjimatkan kerajaan dari pengambilan perjawatan yang baru, melakukan latihan dan serta penyediaan kemudahan tambahan sekiranya

mengambil kakitangan yang baru, penugasan semula tersebut telah dapat menjimatkan Kerajaan sebanyak RM1.3 bilion.

• Melalui NBOS, perkhidmatan awam kini melaksanakan program-program menerusi pendekatan NBOS yang kreatif, inovatif, integratif dan kolaboratif berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

1. Memberi impak yang tinggi (memberi manfaat yang tinggi kepada rakyat);
2. Menggunakan kos yang minimum (kos pelaksanaan projek adalah rendah berbanding kaedah konvensional);
3. Pelaksanaan pantas (tempoh pelaksanaan segera dan pantas); dan
4. Mampan atau sustainable (program tersebut adalah lestari dan boleh direplikasi).

• YAB Perdana Menteri mula memperkenalkan strategi ini pada tahun 2009 bagi menyokong dan mempercepatkan program transformasi nasional (*national transformation program*). Pada masa ini terdapat 99 buah inisiatif NBOS yang dilaksanakan oleh kira-kira 80 kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan di seluruh negara.

• Pelaksanaan program-program NBOS telah banyak

membantu meningkatkan imej Kerajaan sebagai sebuah Kerajaan yang cemerlang menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan. Inisiatif-inisiatif tersebut dapat membantu meringankan beban rakyat, meningkatkan pendapatan mereka serta memberi akses yang lebih tinggi kepada perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan dalam dalam 8 kluster tumpuan NBOS iaitu:

- 1.Peningkatan Keusahawanan
- 2.Memacu Pembangunan
- 3.Pembangunan Komuniti
- 4.Strategik Bandar-Luar Bandar
- 5.Penyampaian Perkhidmatan
- 6.Belia dan Sukarelawan
- 7.Pemerkasaan Wanita
- 8.Keselamatan Menyeluruh

- Manfaat pelaksanaan NBOS dapat dilihat dari segi peningkatan pendapatan isi rumah, meluaskan kuantiti dan kualiti peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan negara.

Kerajaan akan terus melaksanakan program-program NBOS kerana ia

telah terbukti memberi manfaat yang banyak kepada rakyat. Lebih banyak inisiatif akan diperkenalkan dan Kementerian serta Agensi-agensi serta sektor korporat dan NGO adalah dialu-alukan untuk mengemukakan cadangan-cadangan inisiatif baru NBOS kepada Kerajaan